



# PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Please read and understand this Product Disclosure Sheet together with the general terms and conditions governing the Personal Financing-i for Civil Sector before you decide to take up this product. Seek assistance from RHB Islamic Bank Berhad if you need further clarification on any part of this document or the terms used.)


**RHB ISLAMIC BANK BERHAD 200501003283 (680329-V)**  
**PERSONAL FINANCING-i FOR CIVIL SECTOR**  
 Date: \_\_\_\_\_  
 [to be filled by Sales/ Branch Personnel]

## 1. What is this product about?

This is an unsecured Personal Financing-i offered to both federal and state government servant, selected GLCs and self-accounting agencies. The financing is offered through salary deduction using the service of an appointed service provider namely i.Destinasi Sdn. Bhd.(IDSB).

## 2. What is the Shariah concept applicable?

The Personal Financing-i adopts the Shariah concept of Commodity Murabahah via Tawarruq arrangement. Commodity Murabahah consists of two sale and purchase contracts. The first involves the sale of an asset by a seller to a purchaser at a marked-up price and on deferred payment basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party at cost price and on spot basis.



### Transaction Flows:

The Customer and RHB Islamic Bank (RHBIB) enter into an agreement where the Customer promises to buy a specified commodity or asset from RHBIB and the Customer then authorize and appoints RHBIB as his sole and exclusive agent (Wakil) and / or authorize RHBIB to delegate its rights and duties as such agent herein to any third party under Agency (Wakalah) contract to act on his behalf for the commodity trading transactions.

- RHBIB will purchase a commodity from Broker A at purchase price (financing amount);
- Ownership of the commodity will be transferred to RHBIB;
- RHBIB will sell the commodity to the Customer at a 'mark-up' price (purchase price plus profit margin). RHBIB (acting as the Customer's agent) will accept the purchase of the commodity;
- Customer will appoint RHBIB as agent to sell-off the commodity;
- RHBIB (acting as the Customer's agent) will sell the commodity to Broker B;
- Broker B will purchase the commodity from RHBIB (acting as the Customer's agent) at the purchase price and credit RHBIB account to reflect the sales transaction;
- RHBIB will make the funds available to the Customer in the form of Personal Financing-i (disbursement amount).

## 3. What do I get from this product?

<b>Total financing amount(A):</b> Minimum: RM 2,000 Maximum: RM 200,000	RM _____
<b>Profit rate(B):</b>	i. Base rate (BR) _____ % ii. Spread + _____ % = _____ % p.a.
<b>Tenure(C):</b> Minimum: 2 years Maximum: 10 years	_____ years
<b>Total selling price:</b>	RM _____

### Note:

**Selling Price = Financing Amount + Total Profit throughout tenure**

## 4. What are my obligations?

<b>Monthly payment:</b>	RM _____
<b>The total amount you must pay including the amount financed is:</b>	RM _____

## 5. What are the fees and charges I have to pay?

Type of Fee	Detail of Fee
<b>Stamp Duty</b>	Nominal amount of RM10.00 (per document) As per the Stamp Duty Act 1949 (Revised 1989) (subject to change that imposed by Government)
<b>Brokerage Fee</b>	RM30.00 per application
<b>Collection Fee</b>	2.0% of monthly payment
<b>Takaful Contribution</b>	Varies accordingly to financing amount, Customer's age and tenure.

**Note 1:** The Bank will inform you within at least 21 calendar days prior to the effective date of implementation should there be any changes in the fees and charges which are applicable to your financing facility.

**Note 2:** Stamp duty, brokerage fee and Takaful contribution (if applicable) will be deducted from the total financing proceeds.

**Note 3:** 2.0% collection fee already incorporated in the monthly salary deduction.

## 6. What are the documents that I need to submit?

No.	Documents Required
1	Copy of MyKad (front and back)
2	Salary Slip (Up to 3 months)
3	Employee Confirmation Letter (with Employer's Letterhead)
4	Copy of RHB / RHBIB / any other banks Account Passbook
5	Redemption Statement of other banks/FIs (if any)
6	Retirement Option Letter (for applicant aged 48 years old & above if tenure exceeds mandatory retirement age)
7	Transfer Letter (for applicant who will be transferred in less than 6 months from the point of application)
8	T228 (for Sarawak only)

## 7. What is the treatment of monthly installments?

- Any changes or revision of the BR (upwards or downwards), the Bank shall revise the monthly payment of financing facility which is revised according to the changes of BR-
- In the event of customers opted to maintain the same monthly payment when BR is adjusted upward or downward, the final instalment will varies (increase or decrease) of which any excess amount against the normal instalment amount, it must be paid by customer (through salary deduction) OR the bank will refund to customer if the final instalment is lower than the normal monthly instalment, as to offset any differential sum due to the event of changes to BR.
- The monthly salary deduction will continue after maturity date until the outstanding amount are fully paid.

## 8. What if I fail to fulfill my obligations?

- You shall pay the Bank, by way of Ta'widh (compensation), a sum equivalent to one per centum (1%) per annum of the overdue instalment(s) until date of full payment and/or settlement; OR a sum equivalent to the BNM's Islamic Interbank Money Market (IIMM) Rate on the balance principal amount outstanding upon maturity date or the expiry of the Financing.
- The Bank may set-off any credit balance in account maintained with the Bank, pursuant to the Letter of Offer, against any outstanding balance in this facility account which the Bank will notify you at least 7 calendar days in advance.
- Legal action will be taken if you fail to respond to reminder notices. You will have to bear all costs and responsible to

settle any shortfall after legal action has been taken against you.

- d) Legal action against you may affect your credit rating, leading to credit being more difficult or expensive to you. It is important that you inform the Bank of any changes to your contact details and/or employment status to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

**9. What if I fully settle the financing before its maturity?**

- a) There will be no exit fee charges imposed if you settle the financing early.  
b) No lock in period imposed and no partial payment is allowed.  
c) Rebate (Ibra') - The Bank may grant rebate on any amount payable by you in respect of any payment due under the Facility in any of the following situations:  
i. any early settlement or early redemption by you including prepayment;  
ii. any settlement of the Facility due to any financing restructuring exercise by you;  
iii. any settlement by you upon occurrence of the Event of Default; and  
iv. any settlement by you in the event of termination or cancellation of the Facility before the expiry of the Facility period; and  
v. the difference between the amount of profit calculated based on the ceiling/contracted profit rate (CPR) and the amount of profit based on the effective profit rate (EPR).

Rebate (Ibra') = \*Remaining Unearned Profit – Early Settlement Charges (if any).

*\*Remaining Unearned Profit is equal to unrealised profit at the time of full settlement*

The calculation of rebate (Ibra') shall be made in accordance with any rules, regulations and/ or directives (whether or not having the force of law) required of or imposed upon the Bank from time to time and at any time by Bank Negara Malaysia or any other authority having jurisdiction over the Bank.

**10. What if I were to pay more than the required monthly payment amount?**

Any excess payment of the monthly payment will be recognized as advance payment.

**11. Do I need any Takaful coverage?**

Yes. Takaful coverage is compulsory. In circumstances of death and total permanent disability, the Takaful will pay off all outstanding amount of your financing with the Bank. This will alleviate the burden of payment on your survivors or next of kin. You shall take up a Takaful plan either from a Takaful operator listed on the Bank's panel of Takaful operators or from any other legitimate Takaful operator of your choice. However only if the Takaful operator is listed in the Bank's panel, the contribution payable shall be deducted from the Facility amount prior to disbursement of the Facility.

Note: If your Takaful coverage's preference is from the Bank's non-panel Takaful operator, please provide proof of coverage on the financing approved which the cost shall be borne at your own expenses. The Takaful cost shall not be deducted from the Facility amount.

**12. What are the major risks?**

- Should you encounter any difficulty in meeting your obligations, please contact us in advance to discuss payment alternatives. This is to avoid legal action if you are unable to pay your monthly payment.
- For this product, monthly payment is deducted directly from the salary account. For those who opted to early settle the Facility, a certain period of processing time is required to cease the deduction from the salary account. Therefore, you are advised to properly plan your time to make early settlement as it may result in over deduction of the salary account even though the Facility has been fully settled.

**13. What if there is still outstanding balance at the end of financing tenor?**

In the event of accounts still with outstanding balance at the end of financing tenor due to upward or downward adjustment to the Base Rate, customers are required to make lump sum settlement at end of financing tenor. If customers are not able to make full settlement

in such event, recovery process will be initiated on affected accounts, but with continuous monthly salary deduction.

**14. Do I need a guarantor or collateral?**

No guarantor or collateral is required.

**15. What do I need to do if there are changes to my contact details or my employment status?**

- a) It is important that you inform the Bank of any changes to your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.  
b) You may inform the Bank such changes via various channels of communication such as the website, branches or call centre at 03-9206 8118.

**16. Where can I get further information?**

- a) Should you require additional information regarding our Personal Financing-i, please visit any RHB Bank/RHB Islamic Bank branches or log on to [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com)

- b) If you have difficulties in making payments, you should contact us the earliest possible to discuss payment alternatives.

RHB Islamic Bank Berhad  
Level 11, Capital Square Tower,  
No.10 JalanMunshi Abdullah,  
50100 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2776 3111 / Fax: 03 2712 5004

- c) Alternatively, you may seek the services of Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), an agency established by Bank Negara Malaysia to provide free services on money management, credit counseling, financial education and debt restructuring for individuals. You can contact AKPK at:

Tingkat 8, Maju Junction Mall,  
1001, Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-26167766  
Email: [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

- d) If you wish to lodge a complaint on the products or services provided by us, you may contact us at:

Customer Contact Centre,  
RHB Cards & Unsecured Business,  
P.O. Box 10135,  
50905 Kuala Lumpur  
Website: <http://www.rhbgroup.com>  
Email: [customer.service@rhbgroup.com](mailto:customer.service@rhbgroup.com)

- e) If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK at:

Block D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur.  
Tel : 1-300-88-5465, Fax : 03-21741515  
E-mail: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**18. Other personal financing package available?**

- Personal Financing-i for Pensioner
- Personal Financing-i for Private

**IMPORTANT NOTE: LEGAL ACTION  
MAY BE TAKEN AGAINST YOU IF  
YOU DO NOT KEEP UP WITH  
PAYMENTS ON YOUR PERSONAL  
FINANCING.**

The information provided in this disclosure sheet is valid as of  
7 September 2020

I / We hereby confirm having explained the Product Disclosure Sheet to Customer.

I / We hereby confirm having received and understand the explanation given.

.....  
Staff Name:  
Staff ID:  
Date:

.....  
Name:  
NRIC:  
Date:

# LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca dan fahami Lembaran Pendekatan Produk ini bersama-sama dengan terma dan syarat am berkaitan Pembiayaan Peribadi-i Untuk Sektor Awam sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini. Dapatkan bantuan daripada RHB Islamic Bank Berhad sekiranya anda memerlukan penjelasan lanjut mengenai mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma-terma yang digunakan.)



**RHB ISLAMIC BANK BERHAD 200501003283 (680329-V)**  
**PEMBIAYAAN PERIBADI-i UNTUK SEKTOR AWAM**


Date: \_\_\_\_\_  
 [Untuk diisi oleh Staf Cawangan/Jualan]

## 1. Apakah produk ini?

Ini adalah satu Pembiayaan Peribadi-i tanpa cagaran yang ditawarkan kepada kakitangan kerajaan persekutuan dan negeri, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan agensi perakaunan sendiri yang terpilih. Pembiayaan ini ditawarkan melalui potongan gaji menggunakan pembekal perkhidmatan yang dilantik iaitu iDestinasi Sdn Bhd (IDSB).

## 2. Apakah kontrak Syariah yang digunakan untuk produk ini?

Pembiayaan Peribadi-i adalah berdasarkan konsep Syariah Komoditi Murabahah melalui aturan Tawarruq. Komoditi Murabahah terdiri daripada dua kontrak jual beli. Yang pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli dengan harga tokokan dan berdasarkan bayaran tertangguh. Selepas itu, pembeli jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga pada harga kos dan secara lani.



### Aliran Transaksi:

Pelanggan dan RHB Islamic Bank (RHBIB) memasuki satu perjanjian di mana Pelanggan berjanji untuk membeli komoditi tertentu atau aset dari RHBIB dan Pelanggan kemudiannya memberi kuasa dan melantik RHBIB sebagai ejen (Wakil) tunggal dan eksklusif Pelanggan dan / atau membenarkan RHBIB untuk mewakilkan hak dan tanggungjawab sebagai ejen kepada pihak ketiga di bawah kontrak Agensi (Wakalah) untuk bertindak bagi pihak Pelanggan untuk transaksi perdagangan komoditi.

- RHBIB akan membeli komoditi daripada Broker A pada harga belian (jumlah pembiayaan);
- Pemilikan komoditi itu akan dipindahkan kepada RHBIB;
- RHBIB akan menjual komoditi tersebut kepada Pelanggan pada harga tokokan (harga belian ditambah margin keuntungan). RHBIB (bertindak sebagai ejen Pelanggan) akan menerima pembelian komoditi;
- Pelanggan melantik RHBIB sebagai ejen untuk menjual komoditi tersebut;
- RHBIB yang bertindak sebagai ejen Pelanggan akan menjual komoditi kepada Broker B;
- Broker B akan membeli komoditi pada harga belian dan mengkredit akaun RHBIB untuk mencerminkan transaksi jualan;
- RHBIB akan menyediakan dana kepada Pelanggan dalam bentuk Pembiayaan Peribadi-i (jumlah pengeluaran).

## 3. Apa yang saya perolehi daripada produk ini?

<b>Jumlah Pembiayaan(A):</b> Minima: RM 2,000 Maksima: RM 200,000	RM _____
<b>Kadar Keuntungan(B):</b>	i. Kadar asas _____ % ii. Peratusan + _____ % = _____ % tahunan
<b>Tempoh(C):</b> Minima: 2 tahun Maksima: 10 tahun	_____ tahun
<b>Jumlah harga jualan:</b>	RM _____

### Nota:

**Harga Jualan** = Jumlah Pembiayaan + Jumlah Untung sepanjang tempoh

## 4. Apakah kewajipan saya?

<b>Bayaran Bulanan:</b>	RM _____
<b>Jumlah yang perlu dibayar termasuk jumlah yang dibiayai:</b>	RM _____

## 5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis fi dan caj	Penerangan fi dan caj
Duti Setem	Jumlah nominal RM10.00 (setiap dokumen) seperti yang termaktub di Akta Setem 1949 (Disemak 1989) (tertakluk pada perubahan yang dikenakan oleh Kerajaan)
Fi Broker	RM30.00 bagi setiap permohonan
Fi Potongan Gaji	2.0% daripada bayaran bulanan
Sumbangan Takaful	Berbeza mengikut jumlah dan tempoh pembiayaan serta umur anda.

**Nota 1:** Pihak Bank akan memaklumi anda sekurang-kurangnya dalam tempoh 21 hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada fi dan caj yang berkaitan dengan pembiayaan anda.

**Nota 2:** Bayaran duti setem, fi broker dan sumbangan Takaful (jika ada) akan ditolak daripada jumlah asal pembiayaan.

**Nota 3:** Fi potongan gaji 2.0% sudah dimasukkan dalam bayaran bulanan.

## 6. Adakah dokumen-dokumen yang perlu saya serahkan?

No.	Jenis Dokumen
1	Salinan MyKad (depan dan belakang)
2	Slip Gaji (sehingga 3 bulan terkini)
3	Penyata Akaun Simpanan RHB / RHBIB / Buku Akaun mana-mana Bank Lain
4	Surat Pengesahan Jawatan (with company letter head)
5	Surat Penyata Penebusan dari Bank-bank lain/ Institusi Kewangan (jika berkenaan)
6	Surat Persaraan (Retirement Option letter) (untuk umur pemohon 48 tahun dan ke atas jika tempoh pembiayaan melepasi umur wajib bersara)
7	Surat Pertukaran (bagi pemohon yang akan dipindahkan dalam tempoh kurang 6 bulan dari masa permohonan)
8	T228 (untuk Sarawak sahaja)

## 7. Bagaimana dengan bayaran ansuran bulanan?

- Sebarang perubahan Kadar Asas (KA), Bank akan menyemak semula pembayaran pembiayaan bulanan berdasarkan perubahan KA.
- Sekiranya pelanggan memilih untuk mengekalkan pembayaran bulanan yang sama ketika KA disesuaikan ke atas atau ke bawah, ansuran terakhir akan berbeza-beza (kenaikan atau penurunan) di mana jumlah lebih daripada jumlah ansuran biasa, ia mesti dibayar oleh pelanggan (melalui pemotongan gaji) ATAU bank akan mengembalikan wang kepada pelanggan sekiranya ansuran terakhir lebih rendah daripada ansuran bulanan biasa, untuk mengimbangi sebarang perbezaan kerana berlaku perubahan pada KA.
- Potongan gaji bulanan akan berterusan selepas tarikh matang sehingga jumlah tertunggak dibayar sepenuhnya.

## 8. Bagaimana jika saya gagal melaksanakan kewajipan saya?

- Anda hendaklah membayar Ta'widh (ganti rugi) kepada Bank, sejumlah wang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun daripada bayaran tertunggak hingga tarikh pembayaran dan/atau penyelesaian penuh; ATAU sejumlah wang

bersamaan dengan kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) BNM ke atas baki jumlah prinsipal tertunggak pada tarikh matang atau tamat pembiayaan.

- b) Menurut Surat Tawaran, Bank berhak menolak selesai baki kredit dari mana-mana akaun yang dimiliki oleh anda dengan pihak Bank bagi mana-mana baki tertunggak bagi akaun kemudahan ini yang mana pihak Bank akan memberitahu anda sekurang-kurangnya dalam tempoh 7 hari kalendar lebih awal.
- c) Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal untuk bertindak balas terhadap notis peringatan. Anda juga dikehendaki menanggung semua kos dan bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan apabila tindakan undang-undang telah dikenakan terhadap anda.
- d) Tindakan undang-undang terhadap anda boleh menjejaskan penilaian kredit anda di mana ianya menyebabkan kemudahan kredit adalah lebih sukar atau mahal untuk anda. Adalah penting anda memaklumkan kepada Bank apa-apa perubahan butiran hubungan dan/atau status pekerjaan anda untuk memastikan semua surat-menyerut sampai kepada anda tepat pada masanya.

**9. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan sepenuhnya pembiayaan sebelum tarikh matang?**

- a) Tiada caj-caj yang akan dikenakan kepada anda jika mahu melangsaikan pembiayaan lebih awal.
- b) Tiada tempoh "Lock In" dikenakan dan tiada bayaran separa dibenarkan.
- c) Rebat (Ibra') - Bank boleh memberikan Rebat (Ibra') kepada mana-mana jumlah yang perlu dibayar oleh anda berhubung dengan apa-apa bayaran tertunggak di bawah Kemudahan dalam mana-mana situasi berikut:
  - i. apa-apa penyelesaian awal atau penebusan awal oleh anda termasuk bayaran pendahuluan;
  - ii. apa-apa penyelesaian Kemudahan disebabkan mana-mana penyusunan semula pembiayaan oleh anda;
  - iii. apa-apa penyelesaian oleh anda apabila berlakunya Peristiwa Keingkaran; dan
  - iv. apa-apa penyelesaian oleh anda dengan menamatkan atau membatalkan Kemudahan sebelum tamat Tempoh Kemudahan; dan
  - v. perbezaan antara jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan kadar keuntungan siling / kontrak dan jumlah keuntungan kadar keuntungan efektif.

Rebat (Ibra') = \*Baki Untung Belum Diperolehi – Caj Penyelesaian Awal (jika ada).

*\*Baki Keuntungan Belum Diperolehi adalah sama dengan keuntungan tidak nyata pada masa penyelesaian penuh*

Pengiraan Rebat (Ibra') hendaklah dibuat mengikut apa-apa kaedah, peraturan dan/ atau arahan (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) yang diperlukan atau dikenakan ke atas pihak Bank dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.

**10. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan bayaran bulanan melebihi daripada jumlahnya?**

Apa-apa lebihan pembayaran bulanan akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan.

**11. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?**

Ya, perlindungan Takaful adalah wajib. Dalam kes-kes kematian atau situasi kecacatan kekal, perlindungan Takaful akan membayar kesemua baki yang belum dijelaskan bagi pembiayaan anda dengan Bank. Ini akan mengurangkan beban pembayaran bulanan pada waris-waris atau keluarga terdekat anda. Anda hendaklah mengambil pelan Takaful sama ada dari pengendali Takaful panel Bank atau daripada mana-mana pengendali Takaful sah yang lain pilihan anda. Bagi pilihan pelan Takaful daripada syarikat Takaful panel Bank, sumbangan Takaful yang perlu dibayar akan ditolak daripada jumlah Kemudahan yang diluluskan sebelum pengeluaran pembayaran Kemudahan.

Nota: Jika perlindungan Takaful pilihan anda adalah daripada pengendali Takaful bukan panel Bank, sila berikan bukti

perlindungan ke atas pembiayaan yang diluluskan, yang mana kos perlindungan Takaful akan ditanggung atas perbelanjaan anda sendiri. Kos Takaful tidak akan ditolak daripada jumlah Kemudahan yang diluluskan.

**12. Apakah risiko-risiko utama?**

- Sekiranya anda menghadapi apa-apa kesukaran dalam melaksanakan tanggungjawab anda, sila hubungi kami terlebih dahulu untuk membincangkan pembayaran alternatif. Ini adalah untuk mengelakkan tindakan undang-undang jika anda tidak dapat membayar bayaran bulanan anda.
- Untuk produk ini, bayaran bulanan akan ditolak terus daripada akaun gaji. Bagi mereka yang memilih untuk menyelesaikan secara awal, tempoh masa pemprosesan tertentu diperlukan untuk menamatkan potongan dari akaun gaji. Oleh itu, anda dinasihatkan untuk merancang masa anda dengan betul untuk membuat penyelesaian awal kerana ia boleh menyebabkan lebihan potongan akaun gaji walaupun ia telah diselesaikan sepenuhnya.

**13. Bagaimanakah sekiranya pemotongan gaji/ pemindahan gaji ditarik/ gaji tidak dikreditkan di atas sebab tertentu?**

Anda bersetuju dengan semakan semula kenaikan Kadar Keuntungan Efektif (tidak melebihi Kadar Keuntungan Siling seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat) sekiranya pemotongan gaji/ pemindahan gaji ditarik/ gaji tidak dikreditkan di atas sebab tertentu.

**14. Bagaimana sekiranya masih terdapat baki tertunggak setelah habis tempoh pembiayaan?**

Sekiranya masih terdapat baki tertunggak setelah habis tempoh pembiayaan kerana penyesuaian menaik atau menurun Kadar Asas, pelanggan diminta untuk membuat pembayaran penuh pada akhir tempoh pembiayaan. Sekiranya pelanggan tidak dapat membuat pembayaran penuh dalam tempoh tersebut, proses pemulihan akan dimulakan pada akaun yang terjejas, tetapi dengan pemotongan gaji bulanan yang berterusan.

**15. Adakah permohonan saya memerlukan seorang penjamin atau aset jaminan?**

Tiada penjamin atau aset jaminan diperlukan.

**16. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan padabutiran berkenaan maklumat peribadi atau status pekerjaannya?**

a) Adalah penting untuk anda memaklumkan pihak Bank sekiranya terdapat sebarang pertukaran maklumat atau butiran peribadi anda. Ini adalah untuk memastikan semua urusan surat-menyerut sampai kepada anda tepat pada waktunya.

b) Anda boleh memaklumkan kepada Bank apa-apa perubahan melalui pelbagai saluran komunikasi seperti laman web, cawangan atau Pusat Hubungan Pelanggan di talian 03-92068118.

**17. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut ?**

a) Jika anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Pembiayaan Peribadi-i, sila kunjungi mana-mana cawangan RHB Islamic Bank atau layari [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com)

b) Jika anda mempunyai kesukaran dalam pembayaran semula, anda harus menghubungi kami dengan segera untuk membincangkan alternatif pembayaran semula. Anda boleh menghubungi kami di:

RHB Islamic Bank Berhad  
Tingkat 11, Capital Square Tower,  
No. 10 Jalan Munshi Abdullah,  
50100 Kuala Lumpur.  
Tel: 03-2776 3111 / Faks: 03-2712 5004

c) Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.  
Tel : 03-26167766  
Email : enquiry@akpk.org.my

d) Jika anda ingin mengemukakan aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi pihak Bank di:

Pusat Hubungan Pelanggan, RHB Cards & Unsecured Business, Business P.O.Box 10135, 50905 Kuala Lumpur  
Emel: customer.service@rhbgroup.com  
Laman Web: <http://www.rhbgroup.com>

**18. Pakej Pembiayaan peribadi lain yang ditawarkan:**

- Pembiayaan Peribadi-i untuk Pesara
- Pembiayaan Peribadi-i untuk Sektor Swasta

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA INGKAR DALAM PEMBAYARAN PEMBIAYAAN PERIBADI ANDA.**

Maklumat yang disediakan dalam lembaran maklumat produk ini adalah sah dari 7 September 2020

Saya / Kami mengesahkan telah menerangkan Lembaran Maklumat Produk kepada Pelanggan.

Saya / Kami mengesahkan telah mendengar dan memahami penerangan yang diberikan.

.....  
Nama Pekerja:  
ID Pekerja:  
Tarikh:

.....  
Nama:  
No. K/P:  
Tarikh: